

Dr. M jangka DAP menang di Kuala Kubu Baharu

UTUSAN MALAYSIA 28 APR 2024

m/s: 7

KUALA LUMPUR: Perpecahan orang Melayu pada masa ini menjadi kelebihan buat Kerajaan Perpaduan menang pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Baharu yang memper-taruhkan calon daripada DAP.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, meskipun populasi kaum Melayu lebih daripada bangsa lain di kawasan berkenaan, namun ia tidak memberi keuntungan kepada Melayu kerana tidak bersatu.

“Jumlah pengundi di situ lebih ramai Melayu daripada Cina, tetapi Melayu berpecah. Cina bersatu, jadi kemungkinan ialah

DAP menang, sampai bila pun akan jadi macam itu,” katanya dalam sidang akhbar sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) di sini.

Jelas Dr. Mahathir lagi, perpaduan orang Melayu yang samar-samar membuatkan kekuatan kaum itu hilang sehingga menyebabkan parti lain mendominasi meskipun populasinya kurang daripada Melayu.

“Kalau dulu orang Melayu bersatu dalam UMNO, kita menang sampai dua per tiga, tetapi selepas berpecah, parti itulah, Putra-lah. Sokongan itu bukan untuk negara, sebab itu berpecah,” ujarnya.